

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1997/98

Febuari 1998

**UAW202 – Kebudayaan Material dan Teknologi Kuno**

Masa: (3 jam)

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LIMA** (5) soalan sahaja.

1. Bicarakan perkembangan alat-alat batu Paleolitik yang dibuat oleh *Homo habilis*, *Homo erectus* dan *Homo Sapiens*, dengan memberi contoh-contoh tapak.  
(100 markah)
  
2. Penggunaan api dan kawalan suhu api menggambarkan satu teknologi zaman prasejarah. Catitkan perkembangan penggunaan api dan sumbangannya terhadap perkembangan teknologi manusia.  
(100 markah)
  
3. Pilih 3 daripada 5 topik di bawah. Berikan persamaan dan perbezaan antara keduanya.
  - a) Piramid di Mesir dan Mesoamerika
  - b) Alat di Zaman Paleolitik dan Neolitik
  - c) Alat tulang dan alat logam
  - d) Gua dan dangau
  - e) Sistem pertukaran barang dan perniagaan  
(100 markah)

...2/-

4. Bukti senibina adalah penting di dalam kajian perkembangan teknologi manusia. Huraikan 2 daripada 3 topik di bawah:
- Tembok Besar China
  - Megalit 'Stonehenge'
  - Piramid
- (100 markah)
5. Bincangkan perkembangan pengangkutan dari zaman prasejarah hingga ke tamadun awal. Berikan bukti jenis-jenis pengangkutan dan sumbangannya terhadap perdagangan dan migrasi manusia.
- (100 markah)
6. Pilih EMPAT (4) cara pengebumian di mana-mana tempat di dunia pada zaman prasejarah atau sejarah dan bincangkan dari segi struktur kubur, barangan pengebumian, rangka manusia dan simbolisme.
- (100 markah)
7. Kesenian seperti lukisan gua, ukiran dan tulisan merupakan tinggalan manusia yang memberikan maklumat-maklumat mengenai masyarakat zaman purba. Sila bincangkan pembuatan, fungsi dan simbolism berkaitan dengan kesenian-kesenian tersebut.
- (100 markah)
8. Makanan, tekstil, barangan kemas dan perhiasan merupakan bahan kebudayaan yang penting kepada manusia semenjak zaman Paleolitik hingga hari ini. Sila bincangkan jenis, fungsi, bahan dan teknologi kuno yang berkaitan dengan kebudayaan material ini.
- (100 markah)
9. Bincang-bicarakan sistem kalendar Maya.
- (100 markah)
10. Pilih 3 dan bincangkan berdasar atas bukti di mana-mana tapak di dunia.
- Diet prasejarah
  - Tekstil
  - Barangan kemas dalam pengebumian
  - Seramik
  - Pengangkutan air
- (100 markah)